



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
ii

## NILAI PENDIDIKAN UNTUK REMAJA DALAM PEPATAH PETITIH NEGERI SEMBILAN

MARZILA BINTI JAAFAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)  
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
ii



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti nilai pendidikan untuk remaja dalam pepatah petith Negeri Sembilan. Pepatah petith yang dikaji ialah pepatah petith yang pernah ke udara dalam Radio Malaysia NEGERIfm sejak tahun 2011 hingga 2015. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian teks. Asas dan dasar kepada kajian ini dirungkai melalui empat prinsip Teori Teksdealisme oleh Mana Sikana. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pepatah petith Radio Malaysia NEGERIfm didefinisikan sebagai susunan kata yang mengandungi pengajaran, teladan dan nasihat yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan, disusun oleh orang yang bijak pandai secara berkias dan benar kandungannya. Isi kandungannya pula terdiri daripada adat resam, undang-undang adat, peraturan, perbilangan, bidalan dan pelbagai lagi. Bentuknya pula tidak lagi terikat iaitu ringkas, pendek namun ada juga yang berangkap panjang. Dapatan kajian juga menunjukkan keseluruhan 17 nilai murni pendidikan berjaya diserapkan dalam pepatah petith Radio Malaysia NEGERIfm dengan nilai murni hormat mendominasi nilai-nilai yang lain iaitu 16% diikuti nilai kerajinan 14.2% dan nilai kejujuran iaitu 10.8%. Tiga nilai yang paling kurang diberi penekanan ialah nilai keberanian 1.4%, nilai berdikari 0.9% dan nilai kebebasan 0.5%. Melalui huraihan tema sosiobudaya, tema sosiopolitik dan tema sosioekonomi pula menunjukkan bahawa pepatah petith boleh memainkan peranannya dalam menyampaikan setiap intipati dalam adat perpatih secara tersusun, cantik dan halus. Implikasi kajian menunjukkan pepatah petith yang sarat dengan nilai-nilai murni dapat membentuk remaja supaya mempunyai jati diri yang kukuh. Kajian yang lebih komprehensif perlu dilaksanakan untuk mengekalkan nilai-nilai yang dominan dan diberikan pengukuhan kepada nilai-nilai yang lemah supaya pepatah petith ini dapat dikembangkan dan dipupuk penggunaannya kepada golongan remaja dalam usaha membangunkan bangsa.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
vi

## EDUCATIONAL VALUES IN NEGERI SEMBILAN'S PEPATAH PETITIH FOR YOUTH

### ABSTRACT

The objective of this study is to identify the educational values for the youth in the *pepatah petitih* used by the local community in Negeri Sembilan. The *pepatah petitih* studied were the ones used in a Radio Malaysia NEGERIfm program from 2011 to 2015. In this study, the author used literature and text study method. This study was explained based on the four principles of Teksdealisme Theory by Mana Sikana. The study shows that the *pepatah petitih* defined by the used and arrangement of words that have values in teaching, giving good examples and advises used daily. It was created by wise men where metaphor was used, and found to be factually correct. Its content often touched the context of customs, rules, *bidalan* and others. Its phrases were not restricted where its form can be found as short and simple or lengthy and wordy. The study shows that all 17 good values were successfully embedded in *pepatah petitih* where respect was found to be the most common which is 16.0%, followed by hardworking at 14.2% and sincerity at 10.8%. The three least observed values are the value of courage at 1.4%, the independent value at 0.9% and the value of freedom at 0.5%. Through the explanation of sociocultural, sociopolitical and socioeconomical, it shows that these *pepatah petitih* may find its functions in presenting all the values in *Adat Perpatih* systematically, beautifully and delicately. The implication of the study shows that these *pepatah petitih* which was filled with good values may influence the youth in having the same values in their life. A more comprehensive study needs to be done to maintain the dominant values and be strengthened to weak values in order to broaden the usage of these *pepatah petitih* so that the youth may instill its values for nation building.



05-4506832

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
vi

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
vi



## KANDUNGAN

<b>Muka Surat</b>	
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv



## BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Soalan Kajian	11
1.6 Batasan Kajian	12
1.7 Kepentingan Kajian	13
1.8 Definisi Konsep dan Operasional	15
1.8.1 Nilai	15
1.8.2 Pendidikan	17
1.8.3 Remaja	18
1.8.4 Pepatah Petith	19





1.8.5 Negeri Sembilan	20
1.9 Kaedah Kajian	21
1.10 Kesimpulan	22

## BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	25
2.2 Kajian Lepas Berkaitan Pepatah Petitih dalam Negara	26
2.3 Kajian Lepas Berkaitan Pepatah Petitih Luar Negara	50
2.4 Kajian Lepas Teori Teksdealisme	56
2.5 Kesimpulan	61

## BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	62
3.2 Reka Bentuk Kajian	63
3.3 Instrumen Kajian	64
3.4 Analisis Data	64
3.4.1 Definisi Pepatah Petitih	65
3.4.2 Nilai Murni Falsafah Pendidikan Negara	66
3.4.3 Tema dalam Pepatah Petitih	70
3.5 Teori Teksdealisme	72
3.5.1 Prinsip-prinsip Teori Teksdealisme	75
3.5.2 Prinsip Kehadiran	76
3.5.3 Prinsip Perlanggaran	81
3.5.4 Prinsip Pengukuhan	83
3.5.5 Prinsip Individualisme / Keperibadian	86
3.6 Kesimpulan	88





## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	90
4.2 Prinsip Kehadiran dan Pelanggaran Melalui Definisi	91
4.2.1 Pengajaran, Teladan, Pedoman, Nasihat dan Falsafah Hidup	94
4.2.2 Adat Resam dan Perbilangan	98
4.2.3 Kiasan dan Sindiran	102
4.2.4 Bentuk dan Ciri-ciri Pepatah Petith	105
4.2.5 Kesimpulan	109
4.3 Prinsip Pengukuhan Melalui 17 Nilai Murni Pendidikan	111
4.3.1 Analisis Kekerapan Nilai Murni Falsafah Pendidikan Negara	113
4.3.2 Hormat	116
4.3.3 Kerajinan	121
4.3.4 Kejujuran	124
4.3.5 Rasional	127
4.3.6 Semangat Bermasyarakat	129
4.3.7 Hemah Tinggi	132
4.3.8 Kerjasama	136
4.3.9 Kesyukuran	140
4.3.10 Keadilan	141
4.3.11 Kasih Sayang	144
4.3.12 Baik Hati	147
4.3.13 Kebersihan Fizikal dan Mental	151
4.3.14 Patriotisme	154
4.3.15 Kesederhanaan	157
4.3.16 Keberanian	159





4.3.17	Berdikari	161
4.3.18	Kebebasan di Sisi Undang-undang	163
4.3.19	Kesimpulan	165
4.4	Prinsip Individualisme Melalui Tema	167
4.4.1	Tema Sosiobudaya	168
4.4.1.1	Masyarakat Beradat	170
4.4.1.2	Gaya Bahasa dan Dialek Negeri Sembilan	174
4.4.1.3	Dunia Wanita	176
4.4.1.4	Perkahwinan Adat Perpatih	182
4.4.1.5	Etika Kerja Adat Perpatih	185
4.4.2	Tema Sosiopolitik	188
4.4.2.1	Struktur Kepimpinan Masyarakat Adat Perpatih	188
4.4.2.2	Sifat-sifat Pemimpin Adat Perpatih	194
4.4.3	Tema Sosioekonomi	198
4.4.3.1	Masyarakat Petani	199
4.4.3.2	Wanita dan Sumber Ekonomi	201
4.4.3.3	Keadilan dalam Ekonomi	205
4.4.3.4	Merantau	206
4.4.4	Kesimpulan	208

## BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	212
5.2	Penemuan Kajian	213
5.3	Cadangan	216
5.4	Kesimpulan	218





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
xi

## RUJUKAN

220

## LAMPIRAN 1

## GLOSARI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI JADUAL

No Jadual	Muka Surat
1.1 Jumlah CD dan “Track” dalam pepatah petitih Radio Malaysia NEGERIfm	3
3.1 Perincian 17 Nilai Murni Pendidikan	67
4.1 Pecahan Jumlah Nilai Murni Pendidikan Berdasarkan CD	114
4.2 Analisis Kekerapan Nilai Murni Falsafah Pendidikan Negara	115
4.3 Analisis Kekerapan Nilai Hormat	116
4.4 Analisis Kekerapan Nilai Kerajinan	121
4.5 Analisis Kekerapan Nilai Kejujuran	124
4.6 Analisis Kekerapan Nilai Rasional	127
4.7 Analisis Kekerapan Nilai Semangat Bermasyarakat	129
4.8 Analisis Kekerapan Nilai Hemah Tinggi	133
4.9 Analisis Kekerapan Nilai Kerjasama	136
4.10 Analisis Kekerapan Nilai Kesyukuran	140
4.11 Analisis Kekerapan Nilai Keadilan	142
4.12 Analisis Kekerapan Nilai Kasih Sayang	144
4.13 Analisis Kekerapan Nilai Baik Hati	148
4.14 Analisis Kekerapan Nilai Kebersihan Fizikal dan Mental	152
4.15 Analisis Kekerapan Nilai Patriotisme	155
4.16 Analisis Kekerapan Nilai Kesederhanaan	157
4.17 Analisis Kekerapan Nilai Keberanian	159





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
xiii

4.18	Analisis Kekerapan Nilai Berdikari	162
4.19	Analisis Kekerapan Nilai Kebebasan di Sisi Undang-undang	163



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xiv

## SENARAI RAJAH

No Rajah	Muka Surat
1.1 17 Nilai Murni Pendidikan	12
1.2 Kerangka Konseptual Kajian	24
3.1 Prinsip Teori Teksdealisme	76
3.2 Kerangka Teori	89
4.1 Prinsip Perlanggaran dalam Teori Teksdealisme	92
4.2 Definisi Pepatah Petith Mengikut Jenis-jenisnya	93



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB 1

### PENGENALAN



#### 1.1 Pendahuluan

Pepatah petitih merupakan satu daripada cabang peribahasa. Sesetengahnya terungkap dalam perumpamaan, bidalan, kiasan, kesemuanya tersimpul serta terangkum dalam satu kalimat yang dipanggil peribahasa. Dalam kurikulum Bahasa Melayu peringkat menengah, peribahasa merupakan salah satu aspek bahasa yang perlu dipelajari oleh semua pelajar. Memang diakui umum bahawa peribahasa sama ada jenis simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah atau bidalan, mempunyai peranan unik dalam mengetengahkan nilai-nilai dan unsur-unsur budaya Melayu. Oleh itu, melalui penggunaan peribahasa, kurikulum yang ada cuba menyampaikan tugas keduanya iaitu sebagai wadah penyerapan dan penerapan nilai-nilai murni dalam kalangan para pelajar.





Menurut Indirawati Zahid (1996) peribahasa termasuklah pepatah ialah warisan kebudayaan Melayu lama yang diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi secara lisan dan perkembangannya juga banyak berlaku secara lisan. Lama-kelamaan peribahasa dikumpulkan dan dirakamkan dalam bentuk tradisi tulisan sebagai warisan budaya Melayu. Peribahasa dibentuk atau dicipta oleh masyarakat Melayu berdasarkan pandangan, pengalaman dan perbandingan yang teliti terhadap alam sekeliling dan kejadian atau peristiwa yang berlaku dalam masyarakat. Oleh yang demikian, peribahasa merupakan cerminan pemikiran dan kehidupan masyarakat Melayu.

## 1.2 Latar Belakang Kajian



Pepatah petitih NEGERIfm merupakan pepatah yang ke udara dalam Radio Malaysia



NEGERIfm di bawah penerbitnya Puan Fazidah binti Yusof. Radio Malaysia NEGERIfm merupakan sebuah radio yang dimiliki penuh oleh kerajaan Malaysia dan dikendalikan di bawah pengurusan Radio Televisyen Malaysia (RTM). Stesen yang mula beroperasi pada 1990 di Jalan Raja Ali, Seremban kini telah berpindah ke Kompleks Penyiaran Tunku Muhammad, Sungai Gadut, Negeri Sembilan Darul Khusus sejak 2007. Stesen radio yang motonya “Ingat Sampai Bila-bila” ini mula bersiaran dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam setiap hari menerusi gelombang 92.6 di Seremban, 95.7 dari Bukit Tampin dan 107.7 dari Gunung Ledang serta meliputi Negeri Sembilan, beberapa kawasan di Kuala Lumpur, Utara Johor, sebahagian Pahang dan beberapa kawasan di Melaka. Siaran stesen ini juga boleh didengari menerusi laman web [www.negeri.fm](http://www.negeri.fm).





Pepatah petitih ini mulai dirakamkan dan ke udara dalam radio Malaysia NEGERIfm bermula tahun 2011 hingga 2015. Sepanjang tempoh tersebut sebanyak 12 cakera padat (CD) telah digunakan yang setiap satunya mengandungi beberapa “track”. Berikut merupakan pecahan CD mengikut jumlah “track”:

Jadual 1.1

*Jumlah CD dan “Track” dalam Pepatah Petitih Radio Malaysia NEGERIfm*

CD	JUMLAH “TRACK”
1	49
2	47
3	38
4	46
6	49
7	53
8	53
9	55
10	52
11	60
12	28
JUMLAH	552

Jumlah keseluruhan pepatah petitih ini ialah 552 “track”. Pepatah petitih ini disiarkan lima kali sehari sebagai selingan siaran-siaran yang ke udara. Pepatah ini disampaikan oleh Mohd Rosli Saludin, Pensyarah Kanan Fakulti Bahasa dan





Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Pepatah ini disusun oleh Mohd Rosli bin Saludin atas pengalaman beliau mengkaji dan mengamalkan pepatah petith ini sejak sekian lama.

Mohd Rosli Saludin (2016) di lahirkan di Kampung Dioh Kecil, Kuala Pilah Negeri Sembilan Darul Khusus. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kuala Pilah dan Sekolah Menengah Za'ba Kuala Pilah, Negeri Sembilan, kemudian melanjutkan pelajaran ke Maktab Perguruan Kinta, Ipoh, Perak. Menjelang enam bulan sahaja di sana beliau mendapat tawaran meneruskan pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau telah berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera dan Diploma Pendidikan dari Universiti Kebangsaan Malaysia.



Pada tahun 1987, beliau ditawarkan mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kikir, Jempol, Negeri Sembilan dan bidang pengajaran ialah Kesusastraan Melayu, Bahasa Melayu dan Sejarah. Seterusnya tahun 1993 beliau melanjutkan pelajaran semula di Universiti Kebangsaan Malaysia dan telah memperoleh Diploma Psikologi Kaunseling. Beliau juga pernah menjadi kaunselor, guru disiplin dan ketua warden asrama. Ilmu tetap diburu maka, pada tahun 1996 beliau mengambil keputusan untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia secara sambilan. Pada tahun 1998 Sarjana Sastera telah berjaya diperoleh. Di peringkat sarjana, bidang yang dikaji ialah Adat Perpatih. Pada tahun 2004 beliau telah lulus Doktor Falsafah dalam bidang Komunikasi Tradisional Melayu di Universiti Malaya.





Sekarang (2018) beliau menjadi pensyarah Kanan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Idris Tanjong Malim, Perak. Bidang pengkhususan ialah Sastera Tradisional, Kesenian, Kebudayaan, Adat Melayu, Puisi Moden, Drama dan Teater Melayu. Beliau berpengalaman mementaskan beberapa buah drama seperti “Sirih Bertepuk Pinang Menari”, “Si Bongkok”, “Keinsafan”, “Gelora Jiwa Anak Melayu”, “Angkara Tiang Sebatang” dan “Kumpulan Drama KOMSAS” untuk rujukan sekolah-sekolah seluruh Malaysia. Beliau pernah berlakon beberapa buah drama pentas contohnya “Petua Perkahwinan” arahan Rahman Shaari dan “Berjinjang Naik Bertangga Turun” arahan Aminah Rafoor. Beliau juga pernah membuat eksperimen menggunakan puisi dalam drama pentas secara menyeluruh misalnya “Gelora Jiwa Anak Melayu dan Pak Kaduk” arahan beliau sendiri. Dua skrip dramanya bertajuk “Inilah Angkara Lewah Pak Melayu” dan “Pemuda Melayu,” telah dipentaskan oleh pelajar-pelajar dari UiTM, Puncak Perdana, Shah Alam. Beliau turut giat menulis skrip drama yang ada kaitan dengan Adat Pepatih, misalnya adat perkahwinan, adat menjemput kematian isteri, adat menjemput pengantin, adat perlantikan pemimpin, adat khatan dan banyak lagi.

Beliau juga pernah terlibat dalam dokumentari Adat Perpatih selama 13 siri yang ditayangkan di TV 1 pada hari Selasa jam 12 tengahari. Beliau pernah muncul di TV 1 dan TV 3 mengulas tentang Institusi Yamtuan di Negeri Sembilan. Ulasan beliau banyak berdasarkan kajian, bacaan, penyelidikan dan pengalaman. Beliau turut terlibat bersama dengan Profesor Norhalim Ibrahim dalam penubuhan Muzium Adat Kuala Kelawang, Jelebu, Negeri Sembilan dan juga terlibat sebagai perancang penubuhan dan pameran Muzium Pendidikan Nasional di UPSI. Bukan setakat itu sahaja, beliau pernah muncul di TV 1, memperkatakan tentang “Memartabatkan Bahasa Melayu dan





Memperkasaskan Bahasa Inggeris". Beliau turut mempunyai rancangan khas di RTM NEGERIfm yang bertajuk "Pepatah Petitih", yang bersiaran lima kali sehari. Beliau giat menjelajah Negeri Sembilan dengan membawa bakal-bakal guru dari Universiti Pendidikan Sultan Idris yang bertujuan untuk mengkaji dan mempopularkan Adat Pepatih.

Mohd Rosli Saludin (2016) turut aktif di pentas dalam mendeklamasi sajak dan Puisi Melayu Tradisional terutama teromba. Beliau juga adalah pengasas dalam puisi teromba dan turut membawa teromba ini dalam lagu, teater, pengacaraan majlis dan ucapan. Penjelajahan dalam seni pentas yang ada kaitan dengan sajak dan teromba ini merangkumi seluruh tempat di dalam dan luar negara. Kesannya secara tidak langsung Adat Pepatih ini boleh tersebar dari segi keindahan bahasanya. Beliau sering diundang



mengumpulkan lebih 10 ribu perkataan lama Negeri Sembilan yang telah hampir pupus. Beliau bergiat secara aktif untuk mempopularkan identiti, adat dan budaya Negeri Sembilan. Hasilnya telah lahir penulisannya yang terkini bertajuk "Sejarah Negeri Sembilan dan Adatnya". Kupasan penulisan ini telah dikaji selama bertahun-tahun.

Mohd Rosli Saludin (2016) pernah menulis dengan Dewan Bahasa dan Pustaka, *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia*. Beliau turut terlibat menulis beberapa buah buku tentang pendidikan, drama dan teater, cerita lisan, teromba, ungkapan Melayu, motivasi dan banyak lagi. Antara bukunya ialah seperti *Mencari Pengertian Teromba* (2007), *Anjung Teromba* (2007), *Naning Luak Terbilang* (2007), *Puisi Melayu Tradisional* (2007), *Seni Berpuisi* (2007), *Hari-Hari Mendatang Adat Perpatih* (2007), *Nilai-Nilai Islam dalam Teromba* (2007), *Ibu Soko* (2011), *Teromba Sebagai Alat Komunikasi*





dalam *Kepimpinan Adat Perpatih* (2009), *Seri Menanti Tanah Beradat Bermula di Sini* (2011), *Peranan Ibu Soko dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan* (2011), *Teromba Pengacaraan Majlis* (2009), dan *Teromba dalam Puisi Melayu Tradisional* (2009).

Selain itu, Mohd Rosli Saludin (2016) pernah membentang kertas kerja dalam bidangnya yang berkaitan misalnya di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Negara Malaysia, negeri-negeri di Malaysia dan peringkat sekolah. Beliau turut terlibat dalam mempopularkan monolog teromba di seluruh Malaysia dan pembacaan puisi Melayu tradisional. Beliau terlibat juga dengan Muzium Adat, Muzium Budaya, Muzium Negara dan Institusi adat di Negeri Sembilan dan Melaka sebagai jururujuk. Beliau telah melahirkan CD Puisi Melayu Tradisional,



Lagu-lagu Tradisional Melayu dan Seni Berterombu. Beliau turut mencipta rekod bacaan pantun budi bahasa selama 25 jam 50 minit tanpa henti dan telah dimasukkan dalam *Malaysia Books of Rekod*. Jumlah pantun yang berjaya dikumpulkan ialah 18 ribu rangkap dan terkini pembacaan teromba 66 jam 53 minit juga menjadi rekod. Jumlah teromba yang dikumpulkan ialah 40 ribu rangkap selain mencipta rekod pembacaan “Puisi Satu Malaysia” 34 jam 39 minit dan berjaya mengumpulkan 20 ribu rangkap puisi.

Banyak sumbangan dan jasa beliau dalam bidang kesusastraan dan kajian berkaitan dengan Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Berdasarkan biodata inilah yang menjadi kekuatan tajuk ini dipilih sebagai bahan kajian.





### 1.3 Pernyataan Masalah

Pada suatu masa dahulu, pepatah petitih merupakan ungkapan yang digunakan dalam percakapan harian terutamanya dalam kalangan mereka yang mengutamakan keindahan bahasa dan kehalusan budi. Pepatah petitih ini bukan sekadar bunga bahasa tetapi melambangkan nilai dan cara hidup masyarakat Melayu khususnya yang tinggal di Negeri Sembilan. Tetapi dengan perubahan besar yang berlaku dalam masyarakat, perubahan yang juga memberi kesan yang mendalam terhadap cara pengucapan seharian, pepatah petitih ini semakin kurang digunakan. Warisan ini penting dan tidak wajar dilupakan begitu sahaja. Meskipun pepatah petitih ini tidak digunakan sekerap dahulu lagi, namun pepatah petitih ini patut kekal dalam ingatan masyarakat.



kehidupan masyarakat Melayu. Namun ramai tidak merasakan keindahan yang ada pada peribahasa lebih-lebih lagi pepatah petitih. Mereka menganggap pepatah petitih merupakan sesuatu ungkapan yang ketinggalan dan menganggap penggunaannya sudah tidak relevan lagi untuk digunakan pada zaman millennium. Pepatah petitih seharusnya perlu diteliti dan dihayati terutamanya golongan remaja.

Khazanah Melayu yang sarat dengan ilmu ini seharusnya tidak boleh diabaikan dan perlu diberi perhatian memandangkan peranannya yang sangat penting dalam membentuk moral dan jati diri remaja. Namun kini, warisan yang kaya ini tidak lagi digunakan sekerap dahulu. Adalah tidak wajar perkara ini dibiarkan berterusan lantaran warisan yang kaya ini memang sedia ada dalam kalangan masyarakat. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaidi Kasdan (2010) bagi memastikan kelestarian





penggunaan peribahasa ini, peribahasa perlu dipelajari dan dihayati. Sungguhpun peribahasa Melayu adalah elemen penting dalam kemahiran berbahasa namun aspek peribahasa semakin kurang dititikberatkan dan sudah mulai meluntur dalam kalangan masyarakat Malaysia khususnya generasi muda. Remaja kini khususnya lebih selesa dengan gaya bahasa yang dianggap moden. Sebaliknya, peribahasa semakin kurang digunakan dalam kehidupan seharian malah mungkin ada sesetengah peribahasa yang sudah menjadi begitu asing bagi generasi muda kini.

Permasalahan ini turut diperkatakan oleh Edwar Djamaris (1985) bahawa peribahasa terasa tidak begitu mendapat perhatian lagi. Hal ini mungkin disebabkan anggapan bahawa peribahasa adalah suatu bahasa ‘*Cliche*’ yang sering digunakan dan dihafal oleh orang tua-tua sebagai bahan pidato dalam upacara adat. Ada pula yang

meragui sama kada peribahasa masih sesuai digunakan dalam masyarakat sekarang.

Malah ramai juga yang telah tidak memahami maksud yang tersirat di sebalik ungkapan tersebut. Kesulitan ini menjadi lebih ketara dengan keadaan pengajaran peribahasa di sekolah sekarang ini:

Apa yang wujud di sekolah ialah pelajar-pelajar tidak dapat memahami erti peribahasa yang telah diajar dengan sebenar-benarnya dan mereka cenderung menghafal maksud peribahasa berkenaan. Lama-kelamaan mereka menganggap peribahasa sebagai satu aspek bahasa Melayu yang tidak bermakna dan mati. Jadi tidak hairanlah jika masyarakat kini menganggap peribahasa sebagai beku dan hanya sesuai untuk masyarakat Melayu lama sahaja.

(Koh Boh Boon, 1982 : ms.196)

Oleh yang demikian, kajian ini memandang pepatah petitih yang merupakan sebahagian daripada cabang peribahasa sebagai alat pendidikan yang baik untuk mesyarakatnya. Inti pati dalam pepatah petitih mampu melahirkan masyarakat yang





berpegang teguh pada nilai-nilai murni. Dalam kajian inilah pengkaji akan membuat tinjauan tentang proses pembentukan jati diri remaja melalui nilai-nilai murni pendidikan yang terkandung dalam pepatah petith. Walaupun sukanan pelajaran Bahasa Melayu telah diserapkan tajuk peribahasa namun pengkaji merasakan masih terdapat lompang-lompang yang tidak diisi terutamanya tentang pepatah petith ini. Berdasarkan permasalahan ini, maka pengkaji merasakan ini adalah langkah awal untuk pengkaji meneroka keunikan pepatah petith ini.

#### 1.4 Objektif Kajian

Dalam mengejar sebuah masyarakat yang berorientasikan perkembangan industri



berteknologi tinggi, peranan masyarakat kian dilupakan. Seiring dengan itu unsur-unsur kerohanian dan nilai kemanusiaan juga semakin terhakis. Begitu juga dengan karya-karya sastera tulisan manusia ini terutamanya pepatah petith semakin terpinggir. Memandangkan pepatah petith berkait rapat dengan moral seseorang dan setiap bait kata mengandungi ajaran maka pengkaji memainkan peranan untuk menghidupkan kembali pepatah petith ini. Pepatah petith ini boleh dijadikan panduan terutamanya kepada golongan remaja. Oleh hal yang demikian kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Mendefinisikan pepatah petith radio Malaysia NEGERIfm dengan lebih terperinci.
2. Mengenal pasti proses pembentukan jati diri remaja melalui nilai murni pendidikan dan tema yang terdapat dalam pepatah petith.
3. Menganalisis keunggulan pepatah petith Radio Malaysia NEGERIfm





Objektif pertama dipilih sebagai bahan kajian kerana terdapat pelbagai definisi yang dikemukakan oleh pengamal pepatah petith. Memandangkan terdapat pelbagai definisi yang diberikan, maka hal ini mengelirukan masyarakat untuk memahami makna pepatah petith yang sebenar. Senario ini menjadikan pengkaji berasa bertanggungjawab untuk mencari titik persamaan antara definisi-definisi yang diberikan. Selain itu, 17 nilai murni yang diterapkan dalam sistem pendidikan perlu sentiasa ditekankan dalam kehidupan kerana boleh membentuk jati diri remaja masa ini. Pepatah petith yang kaya dengan nilai murni di samping tema yang terkandung di dalamnya boleh dijadikan panduan terutamanya untuk tatapan generasi muda. Bagi memastikan pepatah petith ini dihidupkan dan diangkat kembali penggunaanya, pengkaji perlu membuktikan bahawa pepatah petith ini merupakan karya yang unggul.



### 1.5 Soalan Kajian


Kajian ini membuat penelitian terhadap pepatah petith yang pernah ke udara dalam Radio Malaysia NEGERIfm. Nilai-nilai yang terkandung dalam bahan kajian ini akan diteliti dan dianalisis kesesuaianya berdasarkan matlamat penyerapan nilai-nilai murni pendidikan di sekolah-sekolah menengah. Kajian ini bertujuan untuk meninjau:

1. Apakah definisi pepatah petith radio Malaysia NEGERIfm secara lebih terperinci?
2. Apakah nilai murni pendidikan yang membentuk jati diri remaja dan tema yang terkandung dalam pepatah petith?
3. Adakah pepatah petith Radio Malaysia NEGERIfm karya yang unggul?



## 1.6 Batasan Kajian

Tumpuan utama dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti nilai Pendidikan yang terkandung dalam pepatah petith. Pepatah petith yang akan dikaji hanya tertumpu pada pepatah petith yang pernah ke udara dalam Radio Malaysia NEGERIfm. Rasional pemilihan bahan tersebut adalah kerana pepatah petith ini telah ke udara sejak tahun 2011 dan tidak asing lagi bagi pendengar-pendengar Radio Malaysia NEGERIfm. Hal ini bersesuaian dengan peranan radio itu sendiri sebagai medium komunikasi yang masih popular dalam kalangan khalayak dan sangat relevan dengan kehidupan seharian. Kajian ini turut dibataskan kepada 17 nilai-nilai murni yang terkandung dalam sukanan pelajaran bahasa Melayu iaitu:



(Sumber : Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Hassan, 2011)

Rajah 1.1. 17 Nilai Murni Pendidikan. Diadaptasi dari Falsafah Pendidikan Negara



## 1.7 Kepentingan Kajian

Dengan adanya kajian ini diharapkan nilai-nilai yang terkandung dalam pepatah petith ini diamalkan dan dipertahankan. Setiap kata-kata yang terdapat dalam pepatah petith banyak bersesuaian dengan situasi semasa. Kata-kata yang bernas yang terkandung dalam pepatah petith wajar dijadikan panduan dalam kehidupan seharian. Kajian ini juga berupaya dan berguna untuk dikongsikan bersama-sama ke pengetahuan masyarakat umum.

Kajian ini penting kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Hal ini kerana hasil kajian ini dapat dijadikan panduan kepada pihak KPM, khususnya dalam menggubal kurikulum sekolah menengah dengan menekankan pelaksanaan nilai-nilai

murni pendidikan sidi samping menit beratkan penggunaan peribahasa khususnya pepatah petith. Hal ini kerana, nilai-nilai murni dan tema yang terdapat dalam pepatah petith sesuai diserapkan dalam semua mata pelajaran termasuk aktiviti di luar bilik darjah.

Sumbangan lainnya adalah kepada golongan pendidik kerana dapat memberi input kepada peranan mereka ketika mendidik anak bangsa. Hasil kajian ini nanti dapat memperjelas tujuan pepatah petith disenaraikan dalam Sukatan Pelajaran bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, hasil kajian ini sedikit banyak membantu guru merancang pengajaran dan pembelajaran mereka dengan menerapkan nilai-nilai murni dalam mendidik pelajar. Di samping itu, guru-guru juga boleh mengaplikasikan penggunaan pepatah petith yang sesuai terutamanya ketika memberi nasihat kepada para pelajar memandangkan kaedah ini semakin dipinggirkan sedangkan pepatah





petitih sangat penting dalam membina dan memelihara hubungan antara ahli masyarakat ketika berinteraksi.

Kajian ini juga amat penting dalam proses memartabatkan kembali bahasa Melayu yang semakin terpinggir terutamanya penggunaan pepatah petitih dan menekankan nilai-nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta pertuturan seharian. Pengkaji melihat kepentingan kajian ini dalam memberikan input kepada remaja yang semakin mengetepikan nilai-nilai murni malah cetek pengetahuan tentang maksud sesuatu peribahasa lebih-lebih lagi pepatah petitih. Memandangkan konflik dalam kalangan remaja terutamanya pelajar semakin meruncing, pepatah petitih berperanan penting sebagai alat untuk memberi teguran, amaran dan larangan umat dalam interaksi harian manusia. Khazanah Melayu yang sarat dengan ilmu ini

seharusnya tidak boleh diabaikan dan perlu diberi perhatian. Memandangkan peranannya yang sangat penting dalam membentuk moral dan jati diri remaja.

Kajian ini juga boleh dijadikan rujukan kepada semua lapisan masyarakat dalam mendidik, menegur atau menasihati antara satu sama lain. Kandungannya juga membantu mereka untuk memahami budaya sesuatu bangsa dengan lebih jelas. Mereka juga akan dapat mengetahui isi dan inti pati berkaitan sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik sesuatu bangsa. Diharapkan kajian ini dapat menanamkan sikap kecintaan terhadap khazanah warisan dan menerapkan nilai murni dalam kehidupan sehari-hari.





## 1.8 Definisi Konsep dan Operasional

### 1.8.1 Nilai

Nilai dapat ditakrifkan sebagai perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu manusia dalam hubungannya sesama manusia, alam dan Tuhan. Menurut Scott dalam Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011), nilai merupakan sesuatu konsep bagi individu atau kelompok tentang perhubungan unggul yang digunakan untuk menilai sesuatu kebaikan atau keburukan dan sesuatu kebenaran atau kesalahan. Manakala Rokeach dalam Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011), pula berpendapat bahawa nilai merupakan suatu kepercayaan seseorang atau kelompok tentang rupa atau sesuatu matlamat yang perlu dan boleh



sendiri.

Menurut Mohd Rosli Saludin (2016 : ms.129) nilai murni sewajarnya menjadi asas pembinaan dan pembangunan manusia. Maka dengan itu setiap masyarakat perlulah mempertahankan nilai murni atau nilai baik supaya dapat membendung segala bentuk kejadian, kemungkaran, kejahatan, dan juga kemusnahan. Nilai murni dan nilai baik perlu dijadikan teras yang diterapkan dalam kurikulum dan juga dalam segala bentuk pendidikan sama ada secara formal maupun secara tidak formal di sekolah. Sememangnya sekolah menjadi institusi pendidikan yang penting dalam usaha menyemai dan mengukuhkan pemupukan nilai-nilai murni pendidikan agar dapat melahirkan warganegara yang bertanggungjawab serta dapat mengamalkan perkara-perkara yang baik dalam kehidupan seharian mereka. Nilai murni pendidikan





sesungguhnya merupakan tonggak nilai kemanusiaan yang mampu membentuk pembinaan sahsiah serta kekuatan peribadi, moral, sosial dan rohani.

Kementerian Pendidikan sendiri menyedari betapa pentingnya pemupukan nilai murni bermula di sekolah dan memberi penekanan secara menyeluruh terhadap semua mata pelajaran yang dikenali sebagai nilai merentas kurikulum. Antara objektif penerapan nilai murni termasuklah menanamkan kesedaran, kefahaman keyakinan diri dan kesyukuran, menanamkan semangat cinta akan nilai suci serta menghormati kebaikan dan membenci kejahanan. Selain itu, pemupukan nilai juga diharap dapat membentuk sikap positif yang berguna kepada agama dan bangsa, bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas serta dapat menghapuskan sikap negatif dalam kehidupan.



ialah sistem yang dianggap baik dan dijadikan pedoman tertinggi bagi kelakuan setiap anggota masyarakat. Sementara Othman Puteh (2001) mentakrifkan nilai sebagai unsur yang terdapat dalam semua ajaran moral yang popular dan unsur nilai ini adalah berdasarkan pengiktirafan bahawa individu dalam sesuatu kelompok sosial itu saling memerlukan antara satu sama lain. Wan Mohd. Zahid (1988), mendefinisikan nilai sebagai perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu manusia dalam hubungannya sesama manusia, alam dan tuhan.

Secara keseluruhannya, dapatlah dikatakan bahawa nilai merupakan perlakuan yang baik yang menjadi asas pembinaan dan pembangunan masyarakat. Penerapan nilai murni perlu dipupuk agar dapat membentuk jati diri yang jitu dalam diri seseorang individu terutamanya golongan remaja.





### 1.8.2 Pendidikan

Pendidikan berasal daripada perkataan Latin, *educare* yang membawa maksud memelihara. Proses pendidikan itu secara langsung merupakan kitaran hayat insan yang saling memperlengkap dengan seluruh sistem yang wujud di persekitaran sosialnya. Melalui pendidikan, seseorang insan itu akan terdidik dengan sifat-sifat kemanusiaannya. Azhar Hj. Wahid dan Zawawi Jahya (2015) menyatakan bahawa pendidikan secara umumnya ialah perubahan ke arah menjadi insan yang baik atau menjadi manusia yang baik sekali gus beradab. Apabila memperihalkan tentang pendidikan dalam pengertian yang luas ruang lingkupnya, sebenarnya secara langsung atau secara tidak langsung membicarakan soal perubahan sekali gus membicarakan agenda pembinaan akhlak dan seluruh kelompok yang termasuk dalam kerangka



Mengikut John Dewey (dalam petikan buku Abu Bakar Nordin dan Ikhsan Othman, 2008:ms.124), pendidikan adalah satu proses yang bertujuan untuk mempertingkatkan lagi kedudukan manusia. Mengikut Yusuf Al-Qardawi (1980), pendidikan merangkumi keseluruhan hidup termasuklah akal, hati dan rohani serta akhlak.

Bagi Hassan Langgulung (1991), pendidikan merupakan proses mengubah dan memindahkan nilai-nilai kebudayaan kepada setiap individu. Menurut Ibnu Khaldun dalam Fuad Baali & Ali Wardi (2003) aktiviti pendidikan bukan hanya merupakan aktiviti memperoleh pengetahuan (aspek kognitif) tetapi juga aktiviti pembekalan akhlak (aspek afektif dan psikomotor). Ilmu juga merupakan lambang ketrampilan.





Pendidikan juga merangkumi pengertian pembinaan akhlak, pembersihan diri daripada sifat-sifat tercela dan mengantikannya dengan sifat yang terpuji.

Tegasnya, pendidikan merupakan proses perubahan dalam membentuk seseorang supaya menjadi seorang yang berilmu dan berakhhlak mulia. Pendidikan bukan sahaja menambah ilmu pengetahuan tetapi merangkumi skop yang lebih luas iaitu berkait rapat dengan perkembangan rohani, emosi, budi perkerti dan keperibadian mulia.

### 1.8.3 Remaja



Remaja merujuk kepada satu peringkat perkembangan yang membawa seseorang dari zaman kanak-kanak kepada zaman dewasa. Remaja mengalami perubahan-perubahan fizikal yang ketara berkaitan akil baligh dan juga perubahan-perubahan kognitif dan sosial yang penting (Azizi Hj. Yahaya, 2005 : ms.55). Penyesuaian remaja terhadap perubahan seperti bentuk badan, kematangan seksual dan status sosial boleh berjalan lancar dan melibatkan tekanan paling minimum sekiranya orang terpenting dalam hidup remaja memberikan sokongan yang diperlukan (Azizi Hj. Yahaya, 2005: ms.57) .

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), remaja adalah dalam kalangan yang berumur 10 tahun sehingga 19 tahun. Ia berbeza dengan belia yang berumur 15 tahun sehingga 30 tahun (Kerangka dan Konsep Dasar Belia Malaysia: 2015, ms.54). Pada peringkat usia ini, mereka mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi. Justeru apa-apa sahaja perkara baru yang terjadi di sekeliling mereka, akan mengundang





perasaan ingin tahu dalam kalangan remaja. Secara tidak langsung membuatkan mereka terdorong untuk mencuba dan melakukan perkara-perkara tersebut.. Remaja harus juga dilihat sebagai satu proses sosial yang membabitkan institusi keluarga, persekolahan, perkerjaan, dan tidak kurang penting adalah media. Perlakuan remaja bukan sahaja dipengaruhi oleh aspek objektif institusi sosialisasinya, tetapi juga oleh aspek subjektif bagaimana mereka mentafsirkan keadaan disekelilingnya. (Samsudin A Rahim : 2011:ms.3).

#### 1.8.4 Pepatah Petith

Menurut Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2002), pepatah merupakan ungkapan-



ungkapan yang berasal usul daripada pusaka adat resam. Makna ungkapan-ungkapan itu tidak berubah dan berfungsi sebagai pedoman hidup anggota masyarakat yang mengamalkan sesuatu adat resam. Eri Barlian (2010) pula menyatakan:

“Pepatah petitih merupakan dasar hukum bagi adat Minangkabau dalam segala tindakan yang akan dilakukan, mencakup segala aspek kehidupan bermasyarakat di Minangkabau seperti politik, ekonomi sisiobudaya, pertahanan dan keamanan. Pepatah petitih adat tidak mungkin dijabarkan pengertiannya secara harafiah menurut pengertian logika. Kalau kita ertikan secara harafiah menurut pengertian logika, maka hasilnya akan bertentangan dengan logika itu sendiri. Untuk dapat memahami dengan baik dan benar kita harus mampu membaca pengertian yang tersirat dalam pepatah petitih tersebut selain membaca yang tersurat.

(Eri Barlian, 2010 : ms.193)

Menurut Eri Barlian lagi (2010) di dalam pepatah petitih terhimpun segala kaedah, ketentuan peraturan dan hukum yang berhubungan dengan segala aspek kehidupan masyarakat.





Dapatlah dirumuskan bahawa pepatah petith merupakan pusaka adat resam yang menjadi pegangan atau pedoman hidup masyarakat. Pepatah petith ini disampaikan secara tersirat dan mencakupi segala aspek kehidupan masyarakat yang mengamalkannya.

### 1.8.5 Negeri Sembilan

Negeri Sembilan telah wujud lebih kurang 600 tahun yang lalu (Nurhalim Hj. Ibrahim, 1993). Dijelaskan lagi oleh Nurhalim bahawa kemungkinannya Negeri Sembilan telah diteroka oleh penghijrah dari Minangkabau atau orang-orang Siak yang pernah menjadi salah sebuah rantau Minangkabau. Tambahan pula, sistem budaya, loghat dan rumah orang Siak didapati mirip dengan yang ada di Negeri Sembilan. Hal ini memberi gambaran bahawa dialek yang dituturkan di Negeri Sembilan berasal dari Minangkabau.

Adat Perpatih adalah merupakan adat warisan dari turun-temurun yang telah diamalkan oleh warga asal Negeri Sembilan. Pembahagian adat di Negeri Sembilan secara dasarnya bergantung kepada lokasi. Daerah yang jauh dari laut seperti daerah Jelebu, Jempol, Kuala Pilah, Tampin, Rembau dan Seremban adalah wilayah Adat Perpatih. Masyarakat Melayu yang tinggal di persisiran pantai seperti Port Dickson adalah pengamal Adat Temenggung. Adat Perpatih di Negeri Sembilan Malaysia mempunyai beberapa persamaan dengan Adat Perpatih yang diamalkan oleh bangsa Minangkabau di daerah Sumatera Barat Indonesia yang mengandungi hukum-hukum yang meliputi hubungan masyarakat yang berprinsipkan *adat basandi syarak, syarak basandi kitabullah*. Menurut hukum Adat Perpatih (Minang), harta pusaka mesti





diwariskan kepada perempuan (Azima, 2009). Menurut Kamarudin Hj Kachar (2010), Adat perpatih menyifatkan yang setiap individu sebagai satu aset terpenting dalam kelaurga dan masyarakat. Adat perpatih mendidik, melatih, mengasuh, membimbing dan memimpin generasi muda dengan penuh kesantunan dan menghormati golongan warga emas.

Berdasarkan definisi yang diberikan dapatlah dirumuskan bahawa masyarakat Negeri Sembilan mengamalkan adat perpatih yang merupakan warisan adat turun temurun. Nilai pula merupakan perlakuan baik yang menjadi asas pembinaan dan pembangunan manusia dan apabila menerima pendidikan secara langsung atau tidak langsung, remaja boleh merubah menjadi insan yang lebih baik. Nilai ini perlu ditekankan di usia remaja dalam belasan tahun. Pada tahap umur begini, remaja mudah menerima pengaruh persekitarannya. Jadi pentingnya penerapan pepatah petith yang berfungsi sebagai pedoman hidup disebarluaskan kepada remaja khususnya yang tinggal di sekitar Negeri Sembilan.



## 1.9 Kaedah Kajian

Bagi melaksanakan dan memastikan kajian ini berjaya, kaedah kepustakaan telah digunakan oleh pengkaji. Kaedah kepustakaan digunakan untuk mencari maklumat. Kaedah kepustakaan digunakan untuk mengkaji ketiga-tiga objektif. Melalui penyelidikan di perpustakaan, pengkaji dapat memahami dan mengetahui beberapa konsep penting berkaitan dengan kajian. Daripada rujukan yang dibuat, pengkaji mengetahui dengan lebih mendalam lagi tentang pengenalan awal pepatah petith dan secara keseluruhannya, mendefinisi pepatah petith dan mengenal pasti





proses pembentukan jati diri remaja melalui nilai murni pendidikan dan tema yang terkandung dalam pepatah petitih Radio Malaysia NEGERIfm. Secara tidak langsung keunggulan pepatah petitih juga akan dapat dibuktikan melalui kaedah ini.

Perpustakaan yang akan dikunjungi ialah perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, perpustakaan Universiti Malaya Kuala Lumpur, perpustakaan Universiti Putra Malaysia, Serdang, perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Perpustakaan Kementerian Pelajaran Malaysia di Putrajaya, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur dan beberapa buah perpustakaan di sekitar Negeri Sembilan. Proses untuk mendapatkan sumber atau idea adalah melalui proses mencari, mengumpulkan, mengkategorikan dan menganalisis sumber-sumber.



## 1.10 Kesimpulan

Pepatah petitih ternyata begitu penting untuk dijadikan teladan dan membentuk jati diri remaja kerana fungsinya dalam memberikan nasihat secara halus kepada remaja. Lebih penting lagi pengajaran pepatah petitih kepada generasi muda juga akan dapat memastikan warisan bangsa tidak terus dilupakan. Mereka juga dapat didedahkan dengan falsafah, pemikiran dan moral bangsa Melayu untuk dijadikan pedoman hidup.






Secara langsung, hasrat negara menerusi Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek dan keperibadian akan mampu direalisasikan pada masa hadapan.

Keindahan nilai bahasa dalam peribahasa Melayu yang sebelum ini menjadi medan berkesan dalam menyampaikan nilai murni dan ‘dakwah’ kepada masyarakat dapat dilihat melalui pepatah petitih. Bagaimanapun, perkembangan semasa dalam arus globalisasi yang melanda warga sejagat menyebabkan bangsa Melayu terlena panjang sehingga seolah-olah lupa bahawa mereka mempunyai khazanah bahasa yang bukan sekadar melambangkan jati diri, malahan sarat dengan pelbagai ilmu, mesej dan teladan berguna dalam kehidupan. Pepatah petitih ini juga sarat dengan nilai-nilai murni dan harus dipertahankan oleh setiap anggota masyarakat. Pepatah petitih ini harus diangkat kembali martabatnya bagi mewujudkan satu tamadun bangsa yang berbudaya tinggi.



Interpretasi nilai pendidikan untuk remaja dalam pepatah petitih Negeri Sembilan wajar dirungkaikan. Tambahan pula , kajian ini turut memfokus pada skop yang lebih kecil dalam peribahasa Melayu iaitu pepatah petitih Negeri Sembilan. Pemilihan pepatah petitih dalam kajian ini rentetan daripada ketidakpopularan pepatah petitih pada zaman ini namun amat penting untuk diangkat kembali penggunaannya. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti nilai pendidikan untuk remaja dalam pepatah petitih Negeri Sembilan berasaskan teori Teksdealisme. Hal ini seperti yang diringkaskan dalam rajah 1.2.





Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian